

MODEL KEMAMPAKAN KEWANGAN UNIVERSITI BERPANDUKAN MODEL KEWANGAN SOSIAL ISLAM: KAJIAN PUSAT ALUMNI

Noor Mizan binti Arifin^{1*}

Muhammad Shahrul Ifwat bin Ishak²

¹Pusat Alumni Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia

²Pengarah Islamic Social Finance, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu Malaysia

*¹Corresponding email : nmizanarifin@unisza.edu.my

ABSTRAK - Kemampanan kewangan merupakan aspek penting dalam memastikan kelangsungan dan daya saing sesebuah universiti, khususnya institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang semakin terkesan dengan pengurangan peruntukkan kerajaan. Kajian ini bertujuan untuk membangunkan satu model kemampanan kewangan universiti yang berteraskan prinsip kewangan sosial Islam, dengan memberi fokus kepada peranan strategik Pusat Alumni. Pendekatan Kewangan Sosial Islam seperti zakat, wakaf, sedekah dan infak dilihat mampu menjadi sumber alternatif yang sah, mampan dan patuh syariah dalam menyokong keperluan kewangan universiti awam. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif melalui temubual separa berstruktur melibatkan pemberi maklumat utama daripada pengurusan universiti, pegawai Pusat Alumni, serta pakar dalam kewangan Islam dan pengurusan institusi pendidikan tinggi. Data yang diperolehi dianalisis secara tematik untuk mengenal pasti potensi, cabaran serta strategi pelaksanaan model ini. Dapatan kajian dijangka dapat menghasilkan kerangka Model Kewangan Sosial Islam yang praktikal, bersesuaian dengan konteks operasi Pusat Alumni dan dapat diaplikasikan secara meluas oleh universiti lain di Malaysia. Implikasinya, model ini bukan sahaja menyumbang kepada kelestarian kewangan institusi, malah memperkukuh hubungan alumni-universiti dalam kerangka nilai Islam.

Kata kunci: Kemampanan kewangan, Kewangan Sosial Islam, universiti, Pusat Alumni, wakaf dan zakat

ABSTRACT – Financial sustainability is a crucial aspect in ensuring the continuity and competitiveness of a university, particularly public higher education institutions (HEIs) that are increasingly affected by government budget reductions. This study aims to develop a financial sustainability model for universities based on the principles of Islamic social finance, with a particular focus on the strategic role of the Alumni Centre. Islamic social finance instruments such as zakat, waqf, sadaqah, and infaq are seen as legitimate, sustainable, and Shariah-compliant alternative sources to support the financial needs of public universities. This study employs a qualitative research design through semi-structured interviews involving key informants from university management, Alumni Centre officers, as well as experts in Islamic finance and higher education management. The data collected will be thematically analysed to identify the potential, challenges, and implementation strategies of this model. The findings are expected to produce a practical Islamic Social Finance Model that is compatible with the operational context of Alumni Centres and applicable to other universities in Malaysia. The implication is that this model not only contributes to the financial sustainability of institutions but also strengthens alumni–university relations within the framework of Islamic values.

Keywords: Financial sustainability, Islamic social finance, university, Alumni Centre, waqf, zakat.

Model Kemampanan Kewangan Universiti Berpandukan
Model Kewangan Sosial Islam : Kajian Pusat Alumni



PENGENALAN

Institusi pengajian tinggi (IPT) yang terdiri daripada universiti awam dan universiti swasta memainkan peranan penting dalam pembangunan sesebuah negara, bukan sahaja dari segi penghasilan modal insan berkualiti, tetapi juga sebagai pusat penyelidikan, inovasi dan penyebaran ilmu. Namun begitu, dalam era globalisasi dan tekanan ekonomi semasa, universiti awam di Malaysia berdepan dengan cabaran besar untuk mengekalkan kelestarian kewangan dalam jangka masa panjang. Perubahan dasar pembiayaan kerajaan, keperluan peningkatan kualiti pendidikan, serta kebergantungan kepada sumber pendapatan terhad menjadikan isu kemampanan kewangan universiti sebagai suatu keutamaan yang perlu ditangani dengan pendekatan strategik dan inovatif.

Terdapat beberapa isu utama yang menjadikan kajian ini signifikan. Pertama, universiti awam sedang menghadapi kekangan kewangan yang boleh menjejaskan operasi, pengurusan aset dan keberlangsungan program-program akademik. Kedua, walaupun potensi kewangan sosial Islam telah diiktiraf dalam pelbagai sektor, penerapannya dalam konteks kewangan institusi pendidikan masih kurang diteroka secara menyeluruh. Ketiga, fungsi dan peranan Pusat Alumni sering kali terbatas kepada aktiviti sosial dan hubungan luar tanpa dimanfaatkan sepenuhnya untuk menjana nilai tambah dari sudut kewangan universiti.

Secara keseluruhannya, kemampanan kewangan universiti adalah isu yang mendesak dan memerlukan pendekatan yang lebih inklusif serta bersifat jangka panjang. Kajian ini akan meneliti secara mendalam potensi model kewangan sosial Islam sebagai alternatif yang berdaya saing untuk menyokong kelestarian kewangan universiti, dengan tumpuan khusus kepada peranan strategik Pusat Alumni. Diharapkan kajian ini bukan sahaja menyumbang kepada pembangunan model teori baharu, tetapi juga menawarkan cadangan praktikal kepada pihak pengurusan universiti, pembuat dasar dan pihak berkepentingan lain dalam memperkukuh kewangan universiti secara menyeluruh dan beretika.

Pusat Alumni yang dilihat berpotensi besar sebagai pemangkin sokongan kewangan menerusi jaringan sosial dan emosi alumni terhadap alma mater. Ianya masih belum digunakan sepenuhnya dalam memainkan peranan strategik dalam hal ini. Fungsi Pusat Alumni masih tertumpu kepada aktiviti kebajikan, perhubungan dan program sosial, tanpa penglibatan yang kukuh dalam inisiatif penjana kewangan berteraskan nilai Islam. Hal ini turut berpunca daripada

kekangan struktur organisasi, kekurangan sumber manusia berkemahiran dan tiada dasar jelas yang membimbing peranan alumni dalam kerangka kewangan sosial Islam. Antara objektif bagi kajian ini ialah:

1. Menganalisis cabaran semasa berkaitan kemampanan kewangan universiti awam di Malaysia.
2. Mengenalpasti instrumen kewangan sosial Islam yang sesuai diaplikasikan oleh Pusat Alumni.
3. Membangunkan model kewangan sosial Islam untuk Pusat Alumni sebagai alternatif kelestarian kewangan universiti.
4. Mencadangkan strategi pelaksanaan model kepada universiti melalui Pusat Alumni.

SOROTAN LITERATUR

Isu kemampanan kewangan semakin penting bagi universiti awam di Malaysia berikutan pengurangan peruntukan kerajaan sejak Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11). Menurut laporan Kementerian Pendidikan Tinggi (2020), kebanyakan universiti masih bergantung lebih 70% kepada pembiayaan kerajaan. Ini menyebabkan institusi perlu meneroka sumber pendapatan alternatif seperti penajaan dalaman, wakaf pendidikan serta sumbangan alumni dan industri.

Kajian oleh Yaacob et al. (2019) menunjukkan universiti perlu bergerak ke arah model pembiayaan bercampur (*hybrid funding model*), yang menggabungkan dana kerajaan, yuran pelajar, sumbangan pihak luar dan instrumen kewangan Islam sebagai pendekatan lestari. Kegagalan untuk melaksanakan strategi kewangan yang holistik akan menyebabkan universiti tidak mampu berkembang selaras dengan keperluan masa depan.

Kajian oleh Hassan et al. (2018) menunjukkan bahawa waqaf pendidikan mempunyai potensi besar dalam menyokong pembiayaan jangka panjang universiti, terutama jika diurus secara profesional dan telus. Namun, pelaksanaan instrumen ini masih terbatas akibat kekurangan tadbir urus, kefahaman teknikal dan integrasi dalam sistem pengurusan universiti.

Alumni merupakan aset strategik bagi sesebuah universiti. Selain daripada menjadi duta institusi, mereka juga berperanan sebagai penyumbang sumber



kewangan, peluang industri, serta sokongan intelektual dan sosial. Kajian oleh Weerts dan Ronca (2007) di Amerika Syarikat menunjukkan bahawa universiti yang mempunyai hubungan kukuh dengan alumni berpotensi menjana sumbangan kewangan berkali ganda lebih tinggi.

Walaupun terdapat banyak perbincangan mengenai waqaf dan zakat di universiti, peranan Pusat Alumni dalam menjayakan agenda kewangan sosial Islam masih belum diterokai secara serius. Kajian oleh Razak dan Ismail (2021) mencadangkan agar Pusat Alumni diberi mandat yang lebih besar untuk menerajui pelaksanaan dana sosial seperti waqaf alumni, skim zakat pendidikan dan sumbangan infak berstruktur. Ini memerlukan sinergi antara jabatan kewangan, pusat Islam dan pengurusan tertinggi universiti.

Sebaliknya Teori Kewangan Islam (*Islamic Finance Theory*) merujuk kepada prinsip, asas dan kerangka teori yang mengatur system kewangan berlandaskan syariah Islam dan ianya berbeza dengan system kewangan konvensional. Ianya berasaskan hukum Islam yang terdapat dalam Al-Quran, Hadis, ijmak ulamak dan qiyas. Teori ini menekankan keadilan, etika dan kemampanan dalam setiap urusan niaga dan menyokong pembangunan berasaskan keadilan sosial misalnya pendidikan percuma dan biasiswa.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif bagi memahami secara mendalam bagaimana Model Kewangan Sosial Islam boleh diterapkan bagi meningkatkan kemampanan kewangan universiti melalui peranan Pusat Alumni. Pendekatan ini membolehkan penyelidik mendapatkan data yang lebih kaya dan kontekstual daripada pihak berkepentingan yang terlibat secara langsung.

Dua kaedah utama digunakan:

1. Temu bual separa berstruktur – melibatkan pegawai Pusat Alumni, pengurusan kewangan, pengurus zakat/wakaf universiti, alumni aktif, dan pakar kewangan Islam.
2. Analisis dokumen – melibatkan pelan strategik universiti, laporan kewangan, dasar wakaf/zakat, serta laporan program alumni.

Menggunakan persampelan bertujuan, responden dipilih berdasarkan pengalaman mereka dalam bidang berkaitan. Seramai 10–15 orang responden

	<i>Model Kemampanan Kewangan Universiti Berpandukan Model Kewangan Sosial Islam : Kajian Pusat Alumni</i>
---	--

dijangka ditemu bual, atau sehingga data mencapai tahap ketepuan (*saturation*). Data temu bual dianalisis menggunakan analisis tematik, iaitu mengenal pasti kod, pola dan tema berkaitan Model Kewangan Sosial Islam dan peranan Pusat Alumni. Data dokumen pula dianalisis secara kandungan (*content analysis*) untuk mengesan amalan atau dasar sedia ada. Kajian dijalankan di sebuah beberapa universiti awam di Malaysia, dengan fokus khusus kepada Pusat Alumni universiti tersebut sebagai kajian kes utama.

JANGKAAN HASIL DAN PERBINCANGAN

Kajian bertajuk Model Kemampanan Kewangan Universiti Berpandukan Model Kewangan Sosial Islam: Kajian Pusat Alumni dijangka memberikan sumbangan yang signifikan dari segi teori, praktikal serta polisi. Secara umumnya, hasil kajian ini diharapkan dapat membentuk kerangka baharu dalam memahami serta mengaplikasikan konsep Kewangan Sosial Islam ke arah memperkukuh kelestarian kewangan universiti, khususnya melalui peranan pusat alumni sebagai pemangkin utama.

Pertama, kajian ini dijangka menghasilkan satu model teoritis baharu yang mengintegrasikan instrumen Kewangan Sosial Islam seperti waqf, zakat, hibah, infaq dan sadaqah dalam kerangka kemampanan kewangan universiti. Model ini bukan sahaja mengisi kelompongan literatur sedia ada, malah akan menambah perbincangan akademik dalam bidang kewangan Islam serta pengurusan wakaf pendidikan. Melalui integrasi ini, universiti berpotensi mengurangkan kebergantungan kepada dana kerajaan semata-mata dan sebaliknya dapat membangunkan sumber kewangan alternatif yang lebih lestari.

Kedua, kajian ini dijangka memperlihatkan peranan pusat alumni sebagai peneraju strategik dalam menjana dana kewangan sosial Islam. Alumni, sebagai kumpulan yang mempunyai ikatan emosional dan tanggungjawab moral terhadap alma mater, merupakan sumber penting dalam membentuk jaringan sokongan kewangan yang mampan. Kajian ini berupaya menonjolkan bagaimana pusat alumni dapat berfungsi bukan sekadar sebagai penghubung sosial, tetapi juga sebagai institusi yang menyelaras program filantropi Islam, dana wakaf pendidikan, biasiswa, dan pelbagai inisiatif pembangunan universiti.



Ketiga, kajian ini diharapkan menghasilkan cadangan polisi dan strategi praktikal yang boleh diguna pakai oleh pihak pentadbiran universiti. Antara yang dijangka ialah garis panduan pengurusan dana wakaf universiti, mekanisme pelaksanaan zakat pendidikan, serta strategi pelibatan alumni dalam projek kewangan sosial Islam. Kesemua ini berpotensi menjadi panduan kepada universiti dalam merangka dasar kewangan alternatif serta memastikan tadbir urus yang telus dan efisien.

Keempat, dari sudut akademik dan amalan, kajian ini berpotensi memberikan sumbangan dua hala. Dari sudut akademik, ia menambah literatur tentang hubungan antara kewangan Islam dan pendidikan tinggi, khususnya dalam kerangka kemampanan. Dari sudut praktikal pula, hasil kajian ini boleh menjadi rujukan utama kepada universiti lain, sama ada di Malaysia mahupun di luar negara, dalam usaha membangunkan model kewangan sosial berasaskan Islam bagi tujuan kelestarian kewangan institusi.

Akhir sekali, kajian ini dijangka menghasilkan satu model yang fleksibel dan boleh disesuaikan mengikut konteks universiti yang berbeza. Walaupun dilaksanakan dengan fokus kepada UniSZA, model yang dihasilkan berpotensi digunakan oleh universiti awam dan swasta lain, malah oleh institusi pendidikan Islam antarabangsa. Hal ini akan memberikan impak yang lebih luas terhadap pembangunan kewangan pendidikan tinggi dan memastikan survival universiti dalam jangka panjang.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini dijangka memberikan sumbangan besar dalam memperkukuh kelestarian kewangan universiti melalui pendekatan kewangan sosial Islam. Hasil kajian bukan sahaja relevan kepada pembangunan akademik dalam bidang kewangan Islam, tetapi juga mempunyai nilai praktikal kepada universiti dalam merangka strategi kewangan alternatif. Dengan menekankan peranan pusat alumni sebagai pemangkin utama, kajian ini diharapkan dapat membentuk satu paradigma baharu dalam menjadikan institusi pengajian tinggi lebih berdikari, lestari, dan selari dengan prinsip syariah.

RUJUKAN

- Hassan, M. K., Aliyu, S., Huda, M., & Rashid, M. (2018). A survey on Islamic finance and sustainable development: The role of Islamic finance in achieving the Sustainable Development Goals. *Journal of Risk and Financial Management*, 11(8), 37. <https://doi.org/10.3390/jrfm1108037>
- Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia. (2020). *Laporan Tahunan Kementerian Pendidikan Tinggi 2020*. Putrajaya: KPT.
- Mohd Salleh, S. M., Jalil, M. F. M., & Mohd Yusof, M. F. (2020). Kajian penglibatan alumni dalam penajaan kewangan universiti: Cabaran dan strategi. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan*, 34(2), 25–36.
- Razak, R. A., & Ismail, M. E. (2021). Strategi pengurusan alumni berasaskan wakaf dan infak dalam universiti awam Malaysia. *Jurnal Pengurusan Islam*, 10(1), 45–56.
- Sadeq, A. H. M. (2002). Waqf, perpetual charity and poverty alleviation. *International Journal of Social Economics*, 29(1/2), 135–151. <https://doi.org/10.1108/03068290210413038>
- Weerts, D. J., & Ronca, J. M. (2007). Profiles of supportive alumni: Donors, volunteers, and those who “do it all”. *International Journal of Educational Advancement*, 7(1), 20–34. <https://doi.org/10.1057/palgrave.ijea.2150043>
- Yaacob, H., Ahmad, R., & Arifin, M. Z. (2019). Hybrid funding model untuk kelestarian kewangan universiti awam di Malaysia. *Jurnal Pengurusan dan Dasar Awam*, 6(2), 13–24.

